

13/02/2003

Chong mula bercuti bulan depan

KOTA KINABALU: Ketua Menteri Sabah ke-13, Datuk Chong Kah Kiat, akan mula bercuti awal bulan depan sebelum menamatkan perkhidmatannya selama dua tahun itu secara rasmi mengikut sistem penggiliran, pada 27 Mac.

Beliau yang dilantik ke jawatan itu bagi kuota Cina dua tahun lalu, mengesahkannya ketika ditemui selepas menghadiri Rumah Terbuka Aidiladha Yang Dipertua Negeri, Datuk Ahmadshah Abdullah di Istana Negeri, semalam.

"Saya memohon untuk bercuti bulan depan, tapi tengoklah berapa lama (tempoh bercuti)," katanya sebagai mengulas pertemuannya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya, pada 6 Februari lalu.

Semalam, Perdana Menteri berkata, kunjungan Chong ke pejabatnya pada 6 Februari lalu itu bukan kerana hendak memohon dilanjutkan tempoh perkhidmatannya, sebaliknya kerana ingin memohon bercuti.

Dr Mahathir berkata, Presiden Parti Liberal Demokratik itu membuat permohonan bercuti lebih awal kerana ingin penggantinya mendapat pengalaman mengenai tugas Ketua Menteri.

Chong yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah bagaimanapun enggan memberi komen lanjut berhubung calon yang akan dilantik memangku jawatan Ketua Menteri sepanjang beliau bercuti bulan depan.

Sebaliknya, beliau berkata, perkara itu akan diputuskan oleh Perdana Menteri selaku Pengerusi BN Pusat.